



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 15 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HARGA BENIH PADI SAH DISELARAS KEPADA RM56, RM52 SEKAMPIT, NASIONAL, SH-6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	KPKM AKAN BINCANG ISU HARGA BENIH PADI, NEGARA, KOSMO-7	
3.	WARM WELCOME, NATIONAL, THE SUN-2	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4.	SOKONG KEPERLUAN PERLINDUNGAN UNTUK PESAWAH, BISNES, HM-23	BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)
5.	'DIPLOMASI DURIAN' MALAYSIA-CHINA, NASIONAL, SH-3	LAIN-LAIN
6.	NELAYAN KECEWA PUKAT KERAP TERSANGKUT SAMPAH, RUMPAI, NEGERI, SH-27	
7.	SUNGAI TERCEMAR, KERANG 'TERBANTUT', NEGARA, KOSMO-14	
8.	AMBIL TINDAKAN SEGERA ATASI PENCEMARAN SUNGAI JURU, LOKAL, HM-13	
9.	PADI FARMERS EXPECT A GOOD HARVEST, NATION, THE STAR-17	
10.	LIMA TAHUN TIADA TINDAKAN BERKESAN, DALAM NEGERI, UM-7	
11.	TANAM PADI ATAS KOLAM IKAN, SINAR NEGERI, SH-23	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Harga benih padi sah diselaras kepada RM56, RM52 sekampit

PUTRAJAYA - Harga kawalan maksimum benih padi sah (BPS) diselaraskan daripada RM54 kepada RM52 per kampit 20 kilogram (kg) di peringkat borong.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi kenyataan memaklumkan, harga di peringkat runcit turut diselaraskan daripada RM58 kepada RM56.

Harga kedua-dua peringkat itu melibatkan Semenanjung Malaysia dan berkuat kuasa mulai Selasa.

Ujar kementerian itu, penyelarasan harga kawalan maksimum bagi BPS di peringkat borong dan runcit di-

laksanakan melalui sesi libat urus yang diadakan oleh KPKM bersama pesawah dan pengeluar setelah mengambil kira pelbagai faktor antaranya kos pengeluaran serta penyelarasan harga lantai belian padi.

"Keputusan ini adalah sebahagian daripada usaha KPKM untuk menjaga kebajikan pesawah agar mereka mendapat benih padi yang berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan serta memastikan ketersediaan bekalan BPS yang berterusan di pasaran untuk keseimbangan ekosistem industri padi dan beras negara," kata kenyataan itu pada Isnin.

KPKM akan bincang isu harga benih padi

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengadakan perbincangan mengenai harga benih padi yang dikatakan agak tinggi ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, segala perkembangan mengenai hal tersebut akan dimaklumkan segera.

"Kita akan berbincang dengan pegawai kementerian dahulu, segala keputusan kami akan maklumkan melalui kenyataan nanti," katanya ringkas.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Lembaga Pertubuhan Peladang di sini semalam.

Terdahulu, Pertubuhan Pesawahan Malaysia (PeSAWAH) memohon KPKM mengeluarkan segera arahan penurunan harga benih padi bagi musim 1/2025 untuk meringankan beban golongan itu.

Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Yob berkata, ia berikutan harga kawalan benih padi di pintu kilang pada ketika ini masih RM58 satu beg (20 kilogram) seperti yang ditetapkan pada Mac 2024, iaitu ketika harga padi semasa yang ditawarkan kilang mencapai hingga RM1,800 satu tan.

"Penurunan harga bellan padi pada tuaian yang lepas iaitu sekitar RM1,500 menjadikan harga benih semasa pada masa ini tidak lagi munasabah.

"Tindakan perlu disegerakan kerana musim tanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) fasa pertama (pelepasan air) akan bermula pada 16 April ini.

"Sekarang pesawah terpaksa beli benih padi sah dengan harga RM58 satu beg (20 kilogram) dan kami cadangkan harga sesuai diturunkan kepada RM35 satu beg di pintu kilang," katanya.



GOLONGAN pesawah memohon KPKM mengeluarkan segera arahan, sem penurutan harga benih padi bagi musim 1/2025. – GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	THE SUN	NATIONAL	2



WARM WELCOME ... Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu accompanied by Lembaga Pertubuhan Peladang chairman Datuk Mahmuz Omar (right) at the board's Aidilfitri open house in Kuala Lumpur yesterday. – **BERNAMAPIC**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	HARIAN METRO	BISNES	23

STTP AGROBANK

Sokong keperluan perlindungan untuk pesawah

Kuala Lumpur: Agrobank terus memperkukuhkan kebajikan komuniti pertanian menerusi penawaran penyelesaian takaful kepada sektor pertanian.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, ini susulan Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) yang dilaksanakannya bagi menyokong keperluan perlindungan untuk pesawah menunjukkan peningkatan menggalakkan.

Katanya, ketika ini, Agrobank berjaya mendaftarkan 135,000 pesawah daripada keseluruhan 215,000 pesawah di negara ini walaupun ia baru dilancarkan pada September tahun lalu.

"Oleh itu, Agrobank akan memperluas jangkauan takaful ini kepada sektor pertanian lain yang dilihat dapat membantu mengurangkan risiko mereka sekali gus meningkatkan industri pertanian negara.

"Melalui strategi tiga tahun Agrobank, skim takaful pertanian ini akan diperluas kepada sektor akuakultur dan penternakan ayam," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, sektor akuakultur dan penternakan ayam mempunyai pelbagai cabaran dan skim takaful itu diharap dapat membantu mengurangkan risiko pengusaha per-

tanian dalam sektor terbabit.

"Pada masa sama, Agrobank juga akan terus meningkatkan usaha bagi memastikan semua pesawah negara berdaftar dengan STTP," katanya.

Tengku Ahmad Badli Shah juga berkata, pelaksanaan STTP menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam menjaga kebajikan pesawah, terutama ketika mereka berdepan dengan ancaman bencana alam.

Beliau berkata, inisiatif itu adalah satu bentuk komitmen kerajaan untuk terus menyokong sektor pertanian khususnya tanaman padi, yang menjadi nadi utama kepada bekalan makanan negara.

Selain daripada melindungi pesawah katanya, skim ini berfungsi sebagai langkah strategik dalam memperkukuhkan rantian bekalan makanan negara.

"Dengan adanya perlindungan kewangan yang kukuh, pesawah akan lebih bersedia menghadapi bencana dan kurang bergantung kepada bantuan kecemasan kerajaan," katanya.

STTP dilancarkan oleh Agrobank dengan sokongan penuh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada tahun lalu.

"Agrobank akan memperluas jangkauan takaful ini kepada sektor pertanian lain yang dilihat dapat membantu mengurangkan risiko mereka sekali gus meningkatkan industri pertanian negara"

Tengku Ahmad Badli Shah



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	27

'Diplomasi durian' Malaysia-China

SHAH ALAM - Durian segar Malaysia kini begitu disukai oleh pengguna di China, kata Presiden Xi Jinping.

"Durian segar Malaysia yang amat digemari oleh orang China boleh dihantar langsung dari kebun ke pasar raya China dalam masa sehari," kata Jinping dalam tulisannya yang disiarkan dalam *Sinar Harian* hari ini, sambil menjelaskan China terus menjadi rakan dagang terbesar Malaysia selama 16 tahun berturut-turut.

Jun tahun lalu, sebagai sebahagian daripada perjanjian yang menandakan setengah abad hubungan diplomatik, Beijing bersetuju membenarkan durian segar dari Malaysia ke pasaran China.

Menjelang akhir tahun 2024, Malaysia telah menghantar sejumlah kira-kira 351,000 kilogram durian segar ke negara itu. China sebelum itu sudah menjadi pasaran terbesar Malaysia untuk durian sejuk beku dan produk durian yang diproses.

Obsesi rakyat China terhadap raja buah itu begitu ketara, sehinggalah kebanyakan makanan diolah dengan resipi durian, daripada piza durian, burger durian, *chicken hot pot* durian hinggalah barbeku durian, lapor media di sana.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	27

Nelayan kecewa pukut kerap tersangkut sampah, rumpai

GEORGE TOWN – Kerajaan negeri perlu mengambil tindakan segera mengatasi pencemaran Sungai Juru yang dilihat semakin serius terutama di sekitar Seberang Perai Tengah (SPT).

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Kader, berkata tinjauan pihaknya mendapati pencemaran berpunca daripada rumpai hanyut dan sisa buangan plastik dari Sungai Rambai yang mengalir ke Sungai Juru.

Menurutnya, pencemaran itu terus mengalir ke laut berhampiran sehingga menjejaskan

kan aktiviti harian nelayan dan penternak kerang di Kampung Kuala Juru.

“CAP kesal dengan situasi berlaku dan bimbang nasib nelayan serta penternak akan lebih terjejas jika tiada tindakan tegas diambil.

“Kerajaan negeri, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu turun padang melihat sendiri kejadian ini selain mengambil tindakan terhadap pihak yang menjadi punca pencemaran,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.



Sampah sarap dan sisa buangan plastik mencemari Sungai Juru.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	KOSMO	NEGARA	14

Sungai tercemar, kerang 'terbantut'

GEORGE TOWN – Pencemaran Sungai Juru bukan sahaja menjejaskan kegiatan nelayan di Kampung Kuala Juru di sini, malah menyebabkan hasil laut seperti kerang 'terbantut'.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, pencemaran berpunca daripada sisa buangan plastik dari Sungai Rambai yang mengalir masuk ke Sungai Juru.

Katanya, peralatan menangkap ikan seperti pukot rosak dan hasil ternakan kerang terbantut akibat pencemaran itu.

"Siasatan segera perlu dijalankan oleh Majlis Bandaraya

Seberang Perai, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengenal pasti punca pencemaran ini," katanya di sini semalam.

Ketua Nelayan Kampung Kuala Juru, Wahid Othman, 57, berkata, masalah itu telah berlarutan sejak lima tahun lalu dan aduan sudah dibuat, namun tiada tindakan berkesan diambil setakat ini.

Seorang penternak kerang, Helmi Ibrahim, 45, pula bimbang sekiranya masalah itu berterusan, ternakan kerangnya berisiko mati kerana sisa plastik dan rumpai mendap di kawasan ternakan.



KERANG bercampur sisa plastik dan rumpai di Sungai Juru, Kampung Kuala Juru, George Town.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	13

NELAYAN, PENTERNAK KERANG TERJEJAS

Ambil tindakan segera atasi pencemaran Sungai Juru

Seberang Perai: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan negeri, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Alam Sekitar (Jas) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi pencemaran Sungai Juru di Seberang Perai Tengah (SPT) yang semakin serius ketika ini.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, tinjauan CAP mendapati kejadian berpunca daripada rumpai hanyut dan sisa buangan plastik dari Sungai Rambai dibawa arus ke Sungai Juru dan laut berhampiran menyebabkan nelayan dan pen-

ternak kerang di Kampung Kuala Juru terjejas.

"Jika tindakan segera tidak diambil, nelayan dan penternak kerang di kampung berkenaan akan terjejas sumber pendapatan dengan lebih teruk lagi pada masa akan datang."

"CAP meminta kerajaan negeri, MBSP, Jas dan JPS turun padang melihat secara dekat kejadian ini dan mengambil tindakan tegas terhadap punca berlakunya masalah itu," katanya dalam kenyataan media semalam.

Mohideen berkata, tindakan undang-undang yang tegas perlu diambil ke atas pihak yang dikenal pasti menjadi punca kejadian itu.

"Jas dan MBSP perlu

membuat pemantauan secara berterusan supaya masalah ini tidak berulang.

"CAP juga berharap pihak kerajaan menyalurkan bantuan atau pampasan kepada nelayan dan penternak kerang yang mengalami kemerosotan hasil pendapatan akibat masalah ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Nelayan Kampung Kuala Juru, Wahid Othman, 57, berkata, masalah yang berlarutan sejak lima tahun lalu itu sudah dimaklumkan kepada pihak berkenaan tetapi tidak ada tindakan berkesan diambil.

"Selain pukut nelayan rosak dirempuh rumpai hanyut dan sampah sarap,



SISA buangan plastik dan rumpai hanyut dari Sungai Rambai mencemari Sungai Juru.

pembesaran kerang yang ditenak juga terbanjut dan menjejaskan sumber pendapatan penternak yang terbabit," katanya.

Penternak kerang, Helmi

Ibrahim, 45, pula berkata, jika pencemaran rumpai hanyut dan sampah sarap masih berlaku dan tidak ditangani segera, kemungkinan lebih besar kerugian

dialami.

"Kami bimbang kerang yang ditenak boleh mati jika rumpai dan sisa plastik mendap di kawasan ternakan kerang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	THE STAR	NATION	17

Padi farmers expect a good harvest

Stable weather this year should lead to a bounce back in rice production

By ARFA YUNUS
arfa.yunus@thestar.com.my

PETALING JAYA: Farmers in the north anticipate a better rice harvest this year, thanks to improved weather following last year's El Nino phenomenon.

However, they say they still need suitable padi seed varieties that can cope with changing weather patterns throughout the year.

Rasidi Saad, head of the Kampung Baru Farmers' Unit in Langkawi, said the weather appears stable for now.

"This year, we expect better rice yields because last year's weather was affected by El Nino. But this year, the weather seems more stable.

"We hope it stays that way, as we plan to begin planting at the end of April," he said when contacted.

Unlike on the mainland, which benefits from dams and water reserves, he said Langkawi's farmlands depend entirely on rainfall.

Therefore, farmers on the island need a mini water reservoir to support local agriculture.

"We've been applying for one since 2008. We've asked for a lake because we have rivers. But when it rains, the water isn't stored - it just flows away, which is a waste."

Due to the lack of water storage, he said Langkawi farmers are forced to use fast-maturing rice



Checking the yield: Farmer Shuib Ismail inspecting a padi field in Kedah in this file photo taken in January this year. Farmers in the northern regions anticipate a better harvest following last year's extreme weather.

seed varieties.

"We need varieties that mature in under 100 days because we can't risk long growth cycles without reliable water," Rasidi added.

Mohd Ridzwan Md Arif, head of the Ulu Melaka Farmers' Unit in Langkawi, shared similar concerns.

He said this year's harvest depends entirely on weather conditions.

"As long as there are no floods, we expect a reasonable yield. If young padi, especially those under a week old, are submerged for three days, snails will eat them," he said.

Nurfitri Amir Muhammad, chief coordinator of the Malaysian Food Security and Sovereignty Forum, said recurring weather challenges have forced padi farmers to adapt by choosing rice

seeds that suit the climate.

Seasonal patterns, such as the northeast monsoon from November to March and the southwest monsoon from May to October, remain consistent, he said.

"The problem is that the dry season can be extremely dry, while the wet season often brings repeated flooding. This happens every year.

"And because of that, farmers now choose seed varieties based on these conditions.

"In dry seasons, they select drought-resistant varieties. In rainy seasons, they use flood-tolerant ones that can survive submersion," he said.

However, Nurfitri said many farmers are more concerned about the quality of seeds sold by vendors.

"There are complaints in farmers' WhatsApp groups that the seeds are not only expensive but also of poor quality," he said.

To address this, Nurfitri said some farmers have begun saving a portion of their harvest to use as seeds in future seasons.

While farmers can adjust to some extent, he stressed that authorities must manage external factors such as severe floods or droughts.

Last year, Malaysia's rice production faced serious setbacks due to extreme weather.

A prolonged drought caused by El Nino affected northern states like Kelantan, where around 5,000ha of padi fields were damaged, resulting in the loss of an estimated 40,000 tonnes of rice.

Later in the year, floods in November submerged about 23,548ha of padi fields across the country, leading to a loss of about 83,408 metric tonnes of rice.

These disasters caused a 5% drop in rice production in key areas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Pencemaran Sungai Juru, Pulau Pinang

Lima tahun tiada tindakan berkesan

Oleh SAFINA RAMLI
utusannews@medianulla.com.my

GEORGE TOWN: Pencemaran Sungai Juru yang dikatakan berpunca daripada sampah sarap, sisa buangan plastik dan mendapan rumpai dari Sungai Rambai di sini semakin membimbangkan.

Sisa tersebut akan masuk ke Sungai Juru, sebelum dihanyutkan ke laut berhampiran, sekali gus menjejaskan kegiatan nelayan dan penternak kerang di Kampung Kuala Juru.

Apa yang mengecewakan penduduk ialah sudah lebih lima tahun masalah itu berlaku dan aduan dibuat, namun belum ada tindakan berkesan diambil untuk mengatasinya.

Ketua Nelayan Kampung Kuala Juru, Wahid Othman, 57, berkata, masalah tersebut sudah berlarutan sejak lima tahun lalu dan aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa, namun, tiada tindakan berkesan diambil se-



SEBAHAGIAN daripada sisa buangan plastik yang mencemari Sungai Juru di Pulau Pinang.

takat ini.

"Rumpai hanyut dan sampah sarap yang melanda kawasan tangkapan ikan bukan sahaja menyukarkan kerja harian nelayan, malah, menjejaskan kual-

iti hasil laut yang ditangkap," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Seorang penternak kerang, Helmi Ibrahim, 45, pula bimbang sekiranya masalah itu berterusan, ternakan kerangnya beri-

siko mati kerana sisa plastik dan rumpai mendap di kawasan ternakan.

"Kalau tiada tindakan segera, kami bukan sahaja rugi besar, tetapi, mungkin perlu hentikan terus operasi kerana kerang tidak membesar seperti biasa," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader menggesa kerajaan negeri mengambil tindakan segera mengatasi masalah pencemaran Sungai Juru kerana ia boleh menjejaskan mata pencarian penduduk setempat.

"Hasil tinjauan CAP mendapati, penduduk yang bergantung kepada sumber sungai dan laut terjejas teruk apabila peralatan menangkap ikan seperti pukat rosak dan hasil ternakan kerang terbantut akibat pencemaran itu.

"Justeru, siasatan segera perlu dijalankan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) un-

tuk mengenal pasti punca pencemaran," katanya.

Mohideen berkata, CAP kesal terhadap kelewatan pihak berkuasa bertindak walaupun masalah ini telah diketahui sejak sekian lama.

"Semua agensi terlibat perlu turun padang meninjau situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti pihak yang menjadi punca pencemaran. Tindakan tegas termasuk pendakwaan perlu dikenakan terhadap pihak terbabit agar kejadian seperti ini tidak berulang pada masa depan," katanya.

CAP juga menggesa kerajaan negeri untuk menyalurkan bantuan atau pampasan kepada nelayan dan penternak yang mengalami kemerosotan pendapatan akibat pencemaran tersebut.

"Pihak JAS dan MBSP juga diminta menjalankan pemantauan secara berkala bagi memastikan sungai-sungai di negeri ini tidak terus menjadi mangsa pencemaran berulang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2025	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	24



Tanaman padi secara hidrogranik yang diusahakan Ibrahim.

Kaedah hidrogranik hasilkan 50kg padi setiap musim

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
PORT DICKSON

Percubaan seorang usahawan menanam padi secara hidrogranik di kawasan rumahnya di Taman Bukit Cendana, Pasir Panjang di sini membuahkan hasil apabila mampu menghasilkan sekurang-kurangnya 50 kilogram (kg) padi setiap musim.

Sistem yang menggabungkan kaedah hidropnik dan organik yang diusahakan Ibrahim Inon, 41, itu sekali gus mengubah landskap pertanian bandar ketika ini.

Menariknya, menerusi sistem pertanian berkenaan bukan sahaja menjimatkan ruang tetapi juga kos.

Menurut Ibrahim, konsep pertanian hidrogranik di negara ini dilihat masih baharu berbanding di Indonesia yang sudah memulakannya sejak tahun 2018.

"Sistem hidrogranik ini menggabungkan elemen hidropnik iaitu teknik penanaman tanpa tanah dan organik bermaksud, baja dihasilkan semula jadi tanpa bahan kimia.

"Tanaman padi saya dibuat atas kolam ikan. Jadi, najis ikan menjadi baja semula jadi kepada tanaman," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Ibrahim, kos permulaannya juga tidak begitu tinggi bergantung kepada saiz tanaman dan kolam ikan yang digunakan.

Jelas beliau, keperluan utamanya ialah sistem paip polivinil klorida (PVC), rangka besi, kolam dan pam air.



Ibrahim memberi makan ikan di kolam yang di atasnya ditanam padi secara hidrogranik.



"Selepas buat kajian tanam padi sistem hidrogranik ini, saya cubanya sendiri dalam skala kecil bermula 40 rumpun padi sahaja dan sangat teruja bila tengok ia menjadi.

"Dengan menggunakan kos lebih RM30,000, saya tanam dalam skala lebih besar di tanah yang disewa sebelah rumah. Saya tanam 368 rumpun padi jenis MR297 yang dibeli dari Kedah dan padi jenis MQ47 dari Kuala Selangor," ujarnya.

Tambah Ibrahim, tanaman 368 rumpun padi terbabit mampu menghasilkan 50kg hingga 60kg beras setiap kali musim menuai.

"Setiap empat bulan sudah boleh tuai dan bagi skala yang saya buat ini dah cukup untuk tampung beras untuk setiap isi rumah dalam tempoh setahun.

"Kalau semua kita mampu buat, kita tak perlu lagi beli beras dan tentunya keselamatan makanan kita lebih terjamin," jelasnya.

Ibrahim yang mendapat bantuan mesin memproses padi daripada

Jabatan Pertanian berkata, keuntungan boleh diperoleh melalui ternakan ikan.

Dia memternak kira-kira 3,000 ikan keli dan 1,500 tilapia yang dijual kepada pelanggan apabila mencapai tempoh matang.

Justeru, dia berpendapat hidrogranik boleh dijadikan alternatif pertanian terutama bagi mereka yang tiada kawasan tanah bersesuaian.

"Antara kelebihan utama sistem ini ialah keupayaannya beroperasi tanpa kebergantungan kepada tanah dan pada masa sama boleh memternak ikan.

"Lagi pun penggunaan air dalam sistem hidrogranik jauh lebih cekap kerana air yang digunakan dikitar semula berbanding kaedah tradisional," ujarnya.

Kata Ibrahim, hidrogranik menekankan penggunaan bahan organik tanpa racun serangga kimia atau baja sintetik, seterusnya menjadikan hasil tanaman lebih selamat untuk dimakan dan lebih mesra alam.